

Pusat sokong inisiatif Johor

MOHD FIRDAUS YON &
SHAHIZATUL FARHA ROSLI

ISKANDAR PUTERI - Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Abd Razak mengesahkan empat inisiatif baharu untuk Johor, mendapat sokongan penuh kerajaan pusat.

Empat inisiatif berkenaan adalah pelancaran sistem Bas Rapid Transit (BRT), Pelan Induk Kemahiran Johor, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Dasar Kelestarian Johor.

Najib berkata, sistem BRT adalah sistem transit berasaskan bas berkualiti tinggi yang akan memberikan perkhidmatan selesa dan mampu digunakan oleh rakyat.

"Kos pelaksanaan BRT kira-kira RM2.56 bilion akan dibiayai menerusi kerajaan pusat sebanyak RM1 bilion, manakala selebihnya menerusi kerjasama swasta dan awam atau Private-Public Partnership (PPP)," katanya pada Majlis Perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Kota Iskandar



Najib meninjau pavilion Ekspo Johor Berkemajuan 2017 selepas merasmikan majlis itu, semalam.

di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar serta Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ir Wee Ka Siong.

Mengulas mengenai inisiatif Pelan Induk Kemahiran Johor, beliau berkata, ia adalah langkah untuk menyediakan pekerja berkemahiran tinggi bagi menampung keperluan pada masa depan.

Pelan induk itu sejajar dengan pelancaran program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) Malaysia di peringkat kebangsaan pada 27 September lalu.

Najib berkata, inisiatif Dasar Kelestarian Johor pula salah satu daripada tuntutan rakyat termasuk-

lah ketika sesi dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) orang muda.

"Menjaga, memelihara dan melakukan perkara yang boleh membangunkan pembangunan secara lestari adalah sangat-sangat dituntut rakyat," katanya.

Bagi inisiatif terakhir iaitu PPR, beliau mengesahkan empat projek PPR baharu akan dibangunkan di Johor melibatkan pembinaan 1,830 unit rumah dengan kos RM360 juta.

Najib berkata, semua itu memperlihatkan subsidi kerajaan yang amat besar iaitu lebih RM100,000 setiap unit PPR dapat memberi manfaat kepada rakyat.

"Ini semua komitmen kerajaan kepada Johor khususnya. Jadi tidaklah seharusnya ada kebimbangan, kekhawatiran mana-mana pihak bahawa komitmen ini akan berterusan kerana Johor adalah sebuah negeri yang begitu tinggi nilai sejarahnya kepada perjuangan kita pada hari ini," katanya.